

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (3)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Pada minggu depan, sekolah akan bermula untuk tahun baru. Salmi yang berumur 6 tahun itu akan mula bersekolah buat hari pertamanya. Encik Samat dan Cik Anisah sudah belikan anak mereka buku-buku sekolah pada minggu lepas semasa cuti sekolah. Buku-buku yang baru untuk Salmi sudah pun dituliskan nama dan darjah Salmi serta dibalut dengan plastik pembalut buku.

Pada pagi hari Ahad itu, Cik Anisah bawa Salmi dan adiknya pergi ke sebuah pusat membeli-belah. Cik Anisah hendak belikan Salmi sebuah beg sekolah. Encik Samat tidak ikut sama kerana bertugas pada hari itu. Semasa berada di pusat membeli-belah itu, Samri, adik Salmi yang berumur empat tahun dipimpin oleh ibunya, Cik Anisah tahu bahawa Samri suka merayau dan pergi berjalan sendiri sesuka hatinya.

Apabila mereka bertiga berada di sebuah kedai yang menjual beg-beg sekolah, Cik Anisah lepaskan tangannya daripada tangan Samri. Cik Anisah hendak pilih beg sekolah untuk Salmi. Dengan tidak disedarinya, Samri telah merayau dengan sendiri, meninggalkan ibu dan kakaknya di kedai beg itu. Setelah membeli beg untuk Salmi, Cik Anisah terperanjat apabila melihat Samri tidak ada bersama mereka.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan melengkapkan jawapan ringkas yang telah diberi.

1. Bilakah ibu bapanya belikan buku-buku sekolah untuk Salmi?
Buku-buku sekolah Salmi sudah dibeli pada _____
_____ semasa _____.
2. Apakah yang telah dilakukan pada buku-buku sekolah Salmi?
Buku-buku sekolah Salmi sudah _____
_____.
3. Mengapakah Samri yang berumur empat tahun dipimpin oleh ibunya?
Samri dipimpin oleh ibunya kerana _____
_____.
4. Mengapakah Cik Anisah lepaskan tangannya daripada Samri?
Cik Anisah lepaskan tangannya daripada Samri kerana _____
_____.
5. Bagaimanakah perasaan Cik Anisah apabila melihat Samri tidak ada bersamanya?
Apabila melihat Samri tidak ada bersamanya, Cik Anisah _____
_____.

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (4)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Iwan sangat ambil berat untuk menjaga kesihatan dirinya. Selain daripada menjaga kebersihan dirinya setiap hari, Iwan akan isikan masa lapangnya dengan bersukan. Iwan tahu bersukan dapat menyihatkan tubuhnya. Dia pandai memilih jenis sukan yang sesuai untuk dirinya sendiri.

Iwan akan berjoging pada tiap-tiap petang dari pukul 5.00 hingga 6.00 petang. Dia tidak berjoging pada hari Selasa dan Khamis kerana dia akan pergi berlatih bola sepak dengan pasukan bola sepak sekolahnya yang dilatih oleh gurunya dan seorang jurilatih profesional. Walaupun Iwan banyak gunakan masanya untuk bersukan, dia tidak abaikan pelajaran sekolahnya. Dia akan belajar dan ulangkaji pelajaran sekolahnya pada tiap-tiap malam dari jam 7.30 hingga 9.30 malam. Ibunya seorang guru sekolah dapat memimpinnnya semasa belajar. Dia juga ada tuisyen dua kali seminggu di rumahnya.

Iwan tahu bahagikan masanya untuk belajar dan bersukan. Dengan sikapnyanya yang rajin belajar dan bersukan itu, Iwan telah menjadi seorang budak yang pandai, cerdas dan sihat. Ibu bapanya berasa bangga dengan sikap anak mereka yang sungguh menyenangkan hati mereka.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan melengkapkan jawapan ringkas yang telah diberi.

1. Apakah yang diambil berat oleh Iwan?

Iwan ambil berat _____

2. Bagaimanakah Iwan isikan masa lapangnya?

Iwan isikan masa lapangnya _____

3. Namakan dua jenis sukan yang dilakukan oleh Iwan.

Dua jenis sukan yang dilakukan oleh Iwan ialah _____

4. Siapa-siakah yang latih Iwan dalam permainan bola sepak?

Iwan dilatih dalam permainan bola sepak oleh _____

5. Apakah Iwan lakukan pada sebelah malam sebelum dia tidur?

Pada sebelah malam sebelum dia tidur _____

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (5)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Matin baru pulang dari sekolahnya. Dia tekan butang loceng pintu rumahnya. Ibunya buka pintu setelah beberapa ketika. Dia masuk ke dalam rumahnya, Ibunya bertanya, "Mengapa Matin jalan terhincut-hincut?"

"Semasa hendak pulang tadi, Matin terjatuh di tangga sekolah kerana hendak cepat pulang. Sekarang, lutut kaki kiri Matin sakit," jawab Matin.

"Cepat pergi mandi dan salin pakaian, nanti ibu tengok," kata Ibunya.

Selepas mandi dan salin pakaian, Matin pun duduk makan tengah hari bersama ibunya itu. Selepas makan Cik Munah ajaknya itu duduk di lantai untuk lihat kaki anaknya yang cedera itu.

Cik Munah lihat bahawa lutut anaknya itu bengkak. Dia tidak tahu apa yang hendak dibuat. Dia hendak urut kaki Matin yang bengkak itu dengan minyak urat. Cik Munah pergi ambil minyak urat daripada peti ubatnya. Cik Munah lumurkan minyak urat di lutut Matin yang bengkak itu lalu urut perlahan-lahan. Matin mengerang kerana berasa sakit. Sesudah itu, Cik Munah suruh Matin berehat. Dia berjanji akan bawa Matin ke klinik esoknya untuk dirawat jika bengkak di lutut Matin itu tidak susut.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan melengkapkan jawapan ringkas yang telah diberi.

1. Bagaimanakah Matin dapat masuk ke dalam rumahnya?
Matin dapat masuk ke dalam rumahnya setelah _____
 _____.
2. Bagaimanakah Matin berjalan semasa masuk ke dalam rumahnya?
Semasa masuk ke dalam rumahnya, Matin _____
 _____.
3. Apakah ibunya suruh Matin lakukan sebelum makan tengah hari?
Sebelum makan tengah hari, ibunya suruh Matin _____
 _____.
4. Apakah Cik Munah hendak lakukan pada kaki Matin?
Cik Munah hendak _____
 _____.
5. Apakah Cik Munah janji jika bengkak di lutut Matin tidak susut pada esoknya?
Jika bengkak di lutut Matin tidak susut pada esoknya, Cik Munah berjanji akan _____
 _____.

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (6)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Kamal sangat gemar tonton cerita-cerita seram. Dia sanggup berjaga hingga larut malam semasa menonton sesuatu cerita. Dia akan tonton dalam biliknya sendiri dengan menggunakan komputer riba yang telah di dapatinya sebagai hadiah hari jadi daripada ibu bapanya. Ibu bapanya tidak tahu bahawa Kamal selalu tidur lambat. Pada suatu hari, Kamal telah pinjam sekeping cakera padat video atau "vcd" daripada kawan baiknya. Pada malam itu, Kamal tonton video yang bertajuk "Pocong" hingga pukul 2.00 pagi.

Kamal menutup komputer ribanya lalu baring di katilnya kerana hendak tidur. Dia cuba meletakkan matanya untuk tidur. Kamal tidak dapat tidur. Dia teringat-ingat cerita seram dan ngeri yang ditonton tadi.

Kamal terdengar bunyi pintu biliknya diketuk orang. Dia sangka ibu atau bapanya yang mengetuk pintu itu. Dia bangun untuk membuka pintu. Apabila pintu itu terbuka, Kamal terperanjat melihat 'pocong' yang ditonton tadi berdiri di hadapan pintunya. 'Pocong' itu terlompat-lompat mendekatnya. Kamal menjerit lalu jatuh dan pengsan.

Apabila dia sedar, ibu dan bapanya berada di sebelahnya. Kamal telah jatuh daripada katilnya semasa tidur tadi.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan melengkapkan jawapan ringkas yang telah diberi.

1. Apakah yang Kamal lakukan sebelum tidur pada malam itu?
Sebelum tidur pada malam itu, Kamal _____

2. Pada pukul berapakah Kamal selesai menonton cerita seram itu?
Kamal selesai menonton cerita seram itu pada _____

3. Mengapakah Kamal tidak boleh tidur?
Kamal tidak boleh tidur kerana _____

4. Apakah Kamal nampak apabila pintunya dibuka?
Apabila pintunya dibuka, Kamal ternampak _____

5. Apakah yang terjadi apabila terlihat 'pocong' di pintunya itu?
Apabila terlihat 'pocong' di pintunya itu _____

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (7)**ARAHAN:** Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Encik Hamid dan isterinya, Cik Aminah, mempunyai dua orang anak. Anak-anak mereka, Ramli dan Ramlah, masih kecil dan belajar di sebuah tadika. Encik Hamid seorang kerani bank di Serangoon. Isterinya pula seorang guru sekolah menengah di Toa Payoh. Mereka sangat sayang dan menjaga anak-anak mereka itu dengan sempurna. Pada tiap petang jika mereka ada masa lapang, mereka akan bawa anak-anak mereka itu bersiar-siar di Taman Sutera yang terletak berdekatan dengan rumah mereka.

Pada suatu petang, Encik Hamid dan keluarganya bersiar-siar di taman itu. Suami-isteri itu berjalan perlahan-lahan sambil berbual. Anak-anak mereka akan berlari-lari di depan mereka sambil terlompat-lompat. Tiba-tiba, Ramlah terjatuh lalu menangis. Lutut kanannya luka sedikit dan berdarah. Ramli menjerit memanggil ayah dan ibunya sambil melambaikan tangannya. Dengan segera Encik Hamid dan Cik Aminah berlari menuju ke anak-anak mereka. Mujur luka di lutut Ramlah sedikit sahaja.

Cik Aminah kesat darah di lutut Ramlah lalu tampal luka itu dengan plaster yang diambil daripada beg kepitnya. Mereka duduk di sebuah bangku panjang di situ sebelum teruskan bersiar-siar di taman itu.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan melengkapkan jawapan ringkas yang telah diberi.

1. Apakah pekerjaan Encik Hamid?

Encik Hamid bekerja sebagai _____

2. Di manakah isteri Encik Hamid bekerja?

Isteri Encik Hamid bekerja di _____

3. Jika ada masa lapang pada waktu petang, ke manakah Encik Hamid membawa keluarganya pergi?

Jika ada masa lapang pada waktu petang, Encik Hamid akan bawa anak-anaknya _____

4. Mengapakah Ramlah menangis?

Ramlah menangis kerana _____

5. Apakah yang Cik Aminah lakukan pada luka di lutut Ramlah?

Cik Aminah telah _____

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (8)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Rosi dan adiknya, Hafiz, sangat manja dengan ibu bapa mereka. Pada tiap-tiap pagi hari Ahad, mereka suka ikut ibu dan bapa mereka pergi ke pasar. Encik Jali akan bawa mereka dengan memandu keretanya. Mereka akan pergi ke pasar itu seminggu sekali kerana pasar itu agak jauh dari rumah mereka. Mereka akan beli barang-barang yang diperlukan untuk bekalan seminggu.

Apabila mereka tiba di pasar, Cik Fizah akan pergi ke gerai-gerai ikan untuk mencari ikan-ikan yang mereka perlukan. Cik Fizah suka beli ikan tenggiri dan ikan selar kuning. Encik Jali pula akan pergi ke gerai daging untuk membeli daging dan tulang kambing. Encik Jali dan anak-anaknya sangat gemar makan sup tulang. Cik Fizah tidak makan daging atau sup kambing kerana dia menghidap penyakit darah tinggi.

Setelah mereka beli barang-barang yang diperlukan, Encik Jali akan bawa keluarganya bersarapan di sebuah pusat penjaja di sebelah pasar itu sebelum pulang ke rumah.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan melengkapkan jawapan ringkas yang telah diberi.

1. Apakah Rosi dan adiknya suka lakukan pada pagi hari Ahad?
Pada pagi hari Ahad, Rosi dan adiknya suka _____
_____.
2. Bagaimanakah mereka pergi ke pasar?
Mereka pergi ke pasar dengan _____
_____.
3. Mengapakah Encik Jali beli daging dan tulang kambing?
Encik Jali beli daging dan tulang kambing kerana _____
_____.
4. Mengapakah Cik Fizah tidak makan daging atau sup kambing?
Cik Fizah tidak makan daging atau sup kambing _____
_____.
5. Ke manakah Encik Jali akan bawa keluarganya setelah mereka beli barang-barang yang diperlukan?
Setelah mereka beli barang-barang yang diperlukan, Encik Jali akan bawa keluarganya _____
_____.

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (9)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Pada pagi itu Wati bangun lebih awal daripada biasa. Hari itu hari cuti umum bagi meraikan Hari Buruh. Sebaik sahaja dia bangun tidur, Watikejut adiknya yang tidur sebilik dengannya. Encik Wari telah berjanji untuk bawa keluarganya berpiknik di Pantai Changi pada hari itu. Setelah membersihkan diri mereka, Wati dan adiknya bantu ibu mereka siapkan bekalan yang akan dibawa ke pantai. Cik Rokiah siapkan bekalan makanan seperti mi goreng, nasi lemak, roti sardin, dan keropok. Pada semalamnya, Encik Wari pula sudah beli beberapa minuman paket dan tin. Mereka tidak lupa untuk bawa tikar plastik untuk dijadikan alas tempat duduk serta beberapa beg plastik besar untuk kumpulkan sampah-sarap dan sisa-sisa makanan.

Mereka bertolak pada kira-kira pukul 9.00 pagi. Perjalanan ke Pantai Changi dengan menaiki kereta Encik Wari itu mengambil masa lebih kurang setengah jam. Apabila sampai di pantai itu, mereka mencari tempat yang sesuai.

Setelah meletakkan bekalan-bekalan mereka itu, Wati dan adiknya terus menyalin kepada pakaian renang lalu bermain-main air di laut. Cik Rokiah duduk berehat sambil mendengar radio. Encik Wari mengawasi Wati dan adiknya bermain-main air di dalam laut.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan melengkapkan jawapan ringkas yang telah diberi.

1. Mengapakah Wati dan adiknya bangun awal pada pagi itu?
Wati dan adiknya bangun awal pada pagi itu kerana _____

2. Apakah yang Wati lakukan sebaik sahaja dia bangun tidur?
Sebaik sahaja Wati bangun tidur, dia _____

3. Namakan **tiga** jenis bekalan yang disediakan oleh Cik Rokiah.
Tiga jenis bekalan yang disediakan oleh Cik Rokiah ialah _____

4. Bagaimanakah mereka pergi ke Pantai Changi?
Mereka pergi ke Pantai Changi _____

5. Semasa anak-anaknya bermain-main air di dalam laut, apakah Encik Wari lakukan?
Semasa anak-anaknya bermain-main air di dalam laut, Encik Wari _____

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (10)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Pada hari itu, ibu bapanya telah bawa Wahid ke Northpoint di Yishun untuk beli sebuah basikal yang diidamkan oleh Wahid. Wahid sungguh gembira kerana dapat sebuah basikal baru. Ayahnya telah hadiahkannya basikal itu kerana Wahid telah lulus Peperiksaan Akhir Tahunnya dengan cemerlang. Mereka juga makan tengah hari di sebuah restoran di situ. Wahid terlonjak-lonjak kegembiraan.

"Ayah, ibu, Wahid berjanji untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh lagi. Wahid tidak akan lupakan pelajaran sekolah. Wahid akan jaga basikal itu dengan cermat dan berbasikal pada masa-masa yang tertentu sahaja. Itu pun jika dapat izin ayah atau ibu," kata Wahid kepada ayah dan ibunya.

"Ayah benarkan Wahid berbasikal di lorong-lorong khas untuk berbasikal di taman sebelah rumah kita sahaja. Ayah larang Wahid berbasikal di tepi jalan raya atau tempat meletak kereta. Wahid juga tidak boleh berbasikal di kolong-kolong blok," pesan ayahnya.

Setelah bersiar di situ mereka pun pulang ke rumah mereka di Sembawang.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan melengkapkan jawapan ringkas yang telah diberi.

1. Mengapakah Wahid sangat gembira pada hari itu?
Wahid sangat gembira pada hari itu kerana _____
_____.
2. Ke manakah ibu bapanya bawa Wahid makan tengah hari pada hari itu?
Pada tengah hari itu ibu bapanya bawa Wahid makan tengah hari di _____
_____.
3. Bilakah Wahid boleh berbasikal?
Wahid boleh berbasikal _____
_____.
4. Apakah yang Wahid janji kepada ibu bapanya?
Wahid berjanji akan _____
_____.
5. Di manakah ayahnya larang Wahid berbasikal?
Ayahnya melarang Wahid berbasikal di _____
_____.